



Audit Bureau
of Circulations

MAJALAH KEKELUARGAAN NO.1

JUN 2013

SERI DEWI &

keluargaTM

Aspirasi Keluarga Bahagia

www.karangkras.com/keluarga
PP3946/07/2013 (032559)

Sejak Rahsia Diri
Terbongkar
CHEF ZAINAL
BAWA HALUAN DIRI

Serik Merayu
SALMAH PILIH
RUMAH WARGA EMAS

ISTERI KETUA
POLIS NEGARA
AKUI TAN SRI ISMAIL
RINGAN TULANG

***Ziana
Zain***

Didik Anak-Anak
Ikut Asuhan Ayah

AWAS,
DARAH
BENDAH
PERLU
DIRAWAT

4 **TIP**
PENUHI
KEINGINAN
SEKS CARA
BERHEMAH

***Persediaan
Ramadan***

HARGA RM11.50



160++ REKAAN TERKINI
TUDUNG & FESYEN MUSLIMAH

130++ JUADAH ENAK
BERSAHUR & BERBUKA

32 MS BUAT SENDIRI AKSESORI,
LANGSIR & HIASAN DALAMAN



*Safi Rania
Diamond*



Juni

SERI DEWI &
keluarga

2013

www.karangkraf.com/keluarga | BIL 210

12 PENGHIAS MUKA DEPAN

16 DARI ISTANA

Masakan Cina Pilihan Tunku Azura Berbuka

19 FESYEN

85 SERI DEWI

- Asmidar Meniti Cabaran Harungi Dunia Seni
- Info Sihat – Elak Mulut Berbau Ketika Ramadan
- Dewi Inspirasi – Minat Angka Cetus Keinginan Nurul Bergelar Pegawai Bank
- Kekal Cergas Bekerja Sepanjang Ramadan

105 SUAMI ISTERI

- Qazem kembali ceria
- Tip Suami Isteri – Tip Jadi Pasangan Terbaik
- Seksologi - Tip Penuhi Keperluan Seks di Bulan Ramadan
- Wanita Di Mata Lelaki – Belum Tentu Wanita Lebih Bijak Dalam Bab Dot, Dot, Dot

120 ISU

127 FAMILI

- Kehadiran Zara Ceriakan Atie & Suami
- Risiko Sciatica Kepada Ibu Hamil
- Tip Kurangkan Stres Anak Berpuasa
- Tip Pemakanan Tingkatkan Tenaga Berpuasa
- Tip Elak Bahaya Anak di Bazar Ramadan

155 PESONA IBU

- Wynn Seronok Bergelar Ibu
- Rita Kongsi Petua Bersama Mentua

164 COMEL PILIHAN

176 FIKSYEN

185 KEDIAMAN



196 JEJARI KREATIF

228 SELERA RAMADAN

296 DIA KU KENALI

Tan Sri Ismail Penyayang & Ringan Tulang

298 SELEBRITI

Fauziah Nawi Pernah Bergelar Operator Kilang

300 KISAH MASYARAKAT

Azlina Ikat Perut Demi Anak-anak



sms bersama SDK

Terma & Syarat:

- 1 Setiap SMS pendapat, poll atau sumbangan bahan yang dihantar akan dikenakan cas RM0.50
- 2 Anda tidak akan dikenakan cas untuk SMS yang diterima.
- 3 Untuk pendapat dan sumbangan bahan, hanya sms yang disertakan nama dan lokasi pengirim.




Ms128
Famili




Ms134
Psikologi

Famili



Ms138
Pemakanan



Ms140
Keselamatan



Tempoh lima tahun bukan satu perjalanan yang singkat buat ibu muda ini dan pelbagai dugaan terpaksa dirinya tempuhi. Namun begitu, sepanjang tempoh penantian itu, tidak pernah sekali pun Atie menyalahkan takdir, sebaliknya dia dan suami banyak berusaha mencari jalan untuk mendapatkan cahaya mata. Seri Dewi & KELUARGA berkesempatan mengatur sesi fotografi dengannya dan suami di samping cahaya mata, Zara Rijwani, tiga bulan.

“Siapa yang tidak mahu mengandung dan melahirkan anak, itu adalah keinginan bagi wanita yang telah berkahwin. Saya akui sedikit tertekan apabila pelbagai cara telah dilakukan, namun masih tidak berjaya.

“Mujur suami dan keluarga banyak menyokong saya. Apa sahaja kaedah rawatan, pasti saya dan suami akan berusaha mencubanya. Hingga pada satu tahap saya berserah saja pada takdir. Cuma saya dan suami banyakkann berdoa, membaca Yasin dan solat hajat bersama. Akhirnya dengan izin Tuhan, muncul kehadiran Zara dalam hidup kami,” ungkapnya penuh syukur.

Dia yang pernah membintangi drama bersiri Anak Puntianak ini lebih dikenali dengan panggilan Atie, mendirikan rumah tangga dengan pilihan hatinya, Saiful Annuar Baharim, 31 tahun.

Menurut Atie, kala ini dirinya bagaikan diberi peluang kedua kerana diizinkan Tuhan untuk mengecap kebahagiaan

Diduga Hidap Endometrisis **KEHADIRAN ZARA CERIAKAN ATIE & SUAMI**

Setiap pasangan yang baru berkahwin mengidamkan zuriat sendiri. Namun kita hanya mampu merancang dan Tuhan menentukan. Bukan dalam sekelip mata Tuhan kurniakan cahaya mata sebaliknya ada yang mengambil masa bertahun-tahun. Bagi pelakon yang memulakan karier di bidang seni menerusi rancangan realiti, Akademi Fantasia (AF), Suriati Abu Bakar, 31 tahun, menunggu selama lima tahun sebelum dikurniakan cahaya mata sulung.

menimang cahaya mata. Maklumlah, dia dan suami telah lama menantikan kehadiran cahaya mata. Malahan akuinya kini, kehidupan mereka berdua lebih terisi dengan keletah Zara yang dilahirkan melalui kaedah pembedahan.

Di samping itu, jelas Atie, penyakit Endometriosis yang ditanggung antara penyebab dirinya sukar untuk mengandung. Namun, sokongan daripada suami dan ahli keluarga yang lain menguatkan semangat untuk mengharungi segala dugaan tersebut.

“Kehadiran Zara bukan sahaja menyempurnakan kehidupan Atie, malahan si kecil yang dianggap sebagai kurniaan

Tuhan ini juga telah mengeratkan lagi hubungan kami suami isteri. Tidak dinafikan, pada mulanya suami, Saiful Annuar agak kekok untuk menguruskan Zara kerana dia tidak pernah menyentuh mana-mana bayi yang masih kecil.

"Namun lama-kelamaan, suami dapat melaluinya dengan mudah. Ini kerana dia gemar membantu saya menguruskan keperluan Zara," cerita Atie sambil menjeling suami di sebelah.

"Pada mulanya memanglah takut untuk uruskan Zara kerana saya memang tak berani pegang anak kecil, apatah lagi kalau bayi yang masih dalam pantang. Saya bimbang dan takut sekiranya tersalah pegang.

"Tetapi dengan anak sendiri, saya berusaha untuk menguruskan keperluannya. Jika tidak belajar sekarang, sampai bila-bila tidak akan pandai. Hasilnya kini, saya sudah boleh mandikan Zara," kata Saiful Annuar sambil tersenyum.

Sejak kehadiran permata tunggal, jelas Atie dia belum betah meninggalkan anaknya lama-lama. Jika hendak ke mana-mana sekali pun, pastinya si kecil ini dibawa bersama. Apatah lagi anaknya itu menyusu badan sepenuhnya. Jadi agak sukar buat Atie berpisah dengan Zara.

Buat masa ini, menurut Atie dia banyak menghabiskan masa dengan memberi tumpuan sepenuhnya pada Zara. Sejak usia kandungan tiga bulan hinggalah kini, Atie lebih selesa menghabiskan masa di rumah melayan Zara.



Atie dan pasangan mahukan yang terbaik buat Zara.

"Kehadiran Zara bukan sahaja menyempurnakan kehidupan Atie, malahan si kecil yang dianggap sebagai kurniaan Tuhan ini juga telah mengeratkan lagi hubungan kami suami isteri."


NIAT BERTUDUNG, ATIE LAMA PENDAM HASRAT

Penampilan ibu muda ini juga kini makin manis apabila tampil dengan imej bertudung. Menurut Atie, dirinya telah lama menyimpan niat untuk bertudung. Sementelah, dirinya merasakan telah tiba masanya untuk bertudung. Apatah lagi melihat rakan artis lain yang bertudung masih boleh meneruskan perjuangan mereka dalam bidang seni.

"Sejak kehadiran Zara, saya memang pasang niat untuk berhijab, cuma pada mulanya saya teragak-agak hinggalah suami memberi sokongan pada saya untuk meneruskan niat tersebut.

"Mungkin ini niat yang baik, jadi Tuhan memudahkan segalanya. Setakat ini saya tidak pandai nak menggayakan selendang, cukup sekadar pemakaian tudung Syria sahaja yang saya mampu sarungkan. Mungkin ambil masa untuk belajar menggayakan selendang," ujarnya sambil berseloroh sebelum mengakhiri perbualan.

PROMOSI
ORKED



PERADUAN

MAKAN MALAM EKSKLUSIF
BERSAMA

JOVIAN MANDAGIE

Jika anda merupakan seorang peminat fesyen sebenar dan mengikuti perkembangan kerjaya Jovian Mandagie, tunaikan impian itu untuk bertentang mata dengannya menerusi peraduan 'MAKAN MALAM EKSKLUSIF BERSAMA JOVIAN MANDAGIE'. Peraduan ini memberi peluang kepada 20 orang pembaca bertuah untuk menerima jemputan makan malam secara eksklusif bersama Jovian serta baucar TESCO bernilai RM300 setiap satu pada 22 Jun 2013. Pemenang akan dipilih berdasarkan ciptaan slogan yang paling menarik.

SAYA INGIN MENIKMATI MAKAN MALAM EKSKLUSIF BERSAMA JOVIAN MANDAGIE KERANA

(tidak lebih dari 10 patah perkataan)

BUTIRAN PERIBADI

Nama: _____
NRIC: _____
Umur: _____
Pekerjaan: _____
Alamat: _____
No telefon: _____
E-mel: _____

SYARAT PENYERTAAN

1. Terbuka kepada semua waniita di Malaysia.
2. Panjang slogan mestilah tidak lebih dari 10 patah perkataan.
3. Hantarkan penyertaan anda sebelum 1 Jun 2013.
4. Keputusan juri adalah muktamad.
5. Pemenang bertuah akan dihubungi oleh pihak TESCO dan majalah Keluarga.



Hantarkan borang penyertaan & gambar anda kepada:
Peraduan 'Makan Malam Eksklusif Bersama Jovian Mandagie' / Keluarga
Grup Majalah Karangkraf Sdn Bhd
Jabatan Pengiklanan
Lot 25, Premis No. 1, Jalan Renggam 15/5
40200 Shah Alam, Selangor.
contest@karangkraf.com